

SOALAN NO: 29**PARLIMEN MALAYSIA****PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT****PERTANYAAN : Lisan****DARIPADA : DATUK RAIME BIN UNGGI [TENOM]****TARIKH : 22 NOVEMBER 2017 (RABU)**

SOALAN : Datuk Raime Bin Unggi [Tenom] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan status kerjasama antara Majlis Pelancongan Malaysia (MTC) dalam menganjurkan Program Road To Agrotourism yang menjadi empat subsektor pelancongan berteraskan aktiviti pertanian, perikanan, penternakan dan industri asas tani (IAT) sebagai sumber pendapatan baharu negara.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) telah bekerjasama dengan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia (MOTAC) serta Majlis Pelancongan Malaysia (MTC) bagi menganjurkan Program *Road To Agrotourism* yang bertujuan untuk mempromosikan pusat-pusat agropelancongan yang terdapat di Malaysia yang berteraskan aktiviti pertanian, perikanan, penternakan dan industri asas tani (IAT) melalui pendekatan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS).

Program tiga hari dua malam ini telah memberi pengalaman menarik dan meningkatkan kesedaran para peserta mengenai sektor agropelancongan dengan melibatkan lawatan ke beberapa lokasi agropelancongan bermula dari House of Kambing di MAEPS, Serdang dan berakhir di Johor Bahru. Beberapa siri program akan dilancarkan yang melibatkan zon tertentu seperti Utara, Selatan, Pantai Timur, Tengah, Sabah dan Sarawak. Program seumpama ini juga dapat membuka pelbagai peluang dan jaringan perniagaan kepada para pengusaha pusat agropelancongan melalui pembangunan pakej-pakej pelancongan di kawasan sekitar. Sehubungan itu, kerjasama ini akan terus dijalankan bagi memantapkan lagi industri ini.